

## TEKNIK PENULISAN KARANGAN MUDAH

### BENTUK PERENGGAN:

| JENIS AYAT             | PENDAHULUAN        | ISI                              | PENUTUP                    |
|------------------------|--------------------|----------------------------------|----------------------------|
| <b>Ayat Topik</b>      | Tema               | Kehendak Soalan<br>1 / 2 / 3 / 4 | Merumus<br>Kehendak Soalan |
| <b>Ayat Huraian</b>    | Huraian Tema       | Huraian<br>Kehendak Soalan       | Ulasan Tema                |
| <b>Ayat Contoh</b>     | Bukti Huraian Tema | Bukti<br>Kehendak Soalan         | Cadangan                   |
| <b>Ayat Kesimpulan</b> | Kehendak Soalan    | Menegaskan<br>Kehendak Soalan    | Harapan                    |

### ASPEK SOALAN

- Punca : Faktor / Sebab / Apa / Mengapa
- Langkah Mengatasi : Cara / Strategi / Teknik / Bagaimana / Usaha
- Kesan: Impak / Implikasi / Kebaikan / Kepentingan / Kelebihan / Keburukan.

### TEKNIK MENGANALISIS SOALAN KARANGAN

Penggunaan telefon bimbit dalam kalangan masyarakat semakin meluas.

Huraikan kebaikan-kebaikan penggunaan telefon bimbit.

Tema: Penggunaan Telefon Bimbit

Kehendak Soalan : Kebaikan Penggunaan

Format Karangan : Karangan Fakta

### TEKNIK MENULIS PENDAHULUAN


|                     |                                                       |
|---------------------|-------------------------------------------------------|
| <b>Ayat Topik</b>   | Penggunaan telefon bimbit sangat meluas secara global |
| <b>Ayat Huraian</b> | Fungsinya semakin hari semakin canggih                |
| <b>Ayat Contoh</b>  | melayari internet, mendengar muzik,kamera             |
| <b>Ayat Rumus</b>   | Banyak membawa kebaikan                               |

Pada zaman digital ini, penggunaan telefon bimbit sangat meluas secara global **bagai cendawan tumbuh selepas hujan**. Telefon bimbit bukan lagi sebagai alat perhubungan malah mempunyai pelbagai fungsi yang semakin hari semakin canggih. Antaranya, kita boleh melayari internet, mendengar muzik,kamera dan sebagainya. Hal ini banyak membawa kebaikan kepada masyarakat zaman sekarang.

#### TEKNIK 4 BUCU IHCK (PERENGGAN ISI KARANGAN)

\* Murid dapat mengarang isi karangan dengan mudah.

#### FORMULA - I H C K



|                                                                                                                                           |                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>IDEA UTAMA:</b> apa?<br><br>Memudahkan komunikasi antara manusia.                                                                      | <b>HURAIAN:</b> mengapa/bagaimana?<br><br>Boleh menghubungi seseorang pada bila-bila masa dan dimana sahaja kita berada. Penggunaanya sangat meluas. |
| <b>KESIMPULAN:</b><br><br>Jelaslah di sini, penggunaan telefon bimbit merupakan sebuah sistem komunikasi manusia yang mudah dan berkesan. | <b>CONTOH:</b><br><br>Mempunyai kemudahan 'sms' whatsapp, telegran, facebook. Kosnya kurang daripada telefon biasa.                                  |



Antara kebbaikannya, penggunaan telefon bimbit memudahkan komunikasi antara manusia. Kita boleh menghubungi seseorang pada bila-bila masa dan di mana-manapun kita berada. Penggunaannya juga sangat bukan sahaja di dalam negara malah di seluruh dunia. Hal ini demikian kerana telefon bimbit mempunyai kemudahan seperti 'sms', 'mms', 'whatsapp', telegram, facebook dan sebagainya. Tambahan pula kos penggunaannya juga kurang berbanding dengan telefon biasa. Jelaslah di sini, penggunaan telefon bimbit merupakan sebuah sistem komunikasi manusia yang mudah dan berkesan.

### **TEKNIK MENULIS PERENGGAN PENUTUP**

|                        |                                                        |
|------------------------|--------------------------------------------------------|
| <b>Ayat Topik</b>      | Berfaedah kepada sesiapa sahaja                        |
| <b>Ayat Huraian</b>    | Telefon bimbit dianggap sebagai keperluan berisiko     |
| <b>Ayat Contoh</b>     | Satu keperluan yang tidak boleh diabaikan              |
| <b>Ayat Kesimpulan</b> | Bijak menggunakannya - agar tidak membawa kemudharatan |

Kesimpulannya, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan masyarakat sangat berfaedah kepada sesiapa sahaja. Namun begitu, semakin tinggi teknologi maklumat berkembang, semakin berisiko nyawa manusia di ambang kemajuan era globalisasi. Telefon bimbit sudah dianggap sebagai barangan yang dikategorikan sebagai keperluan yang berisiko. Walau bagaimanapun, telefon bimbit dianggap satu keperluan yang tidak boleh diabaikan. Oleh itu, kita perlu bijak menggunakan telefon bimbit agar tidak membawa kemudharatan.

**SEKIAN. TERIMA KASIH.**

**BUATLAH KEBAIKAN HARI INI KERANA HARI ESOK  
BELUM TENTU HADIR.**

**LOVE  
-CIKGU HIKMAH-**